



**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

**SOALAN LAZIM (FAQ)**

**URUSAN PENUGASAN SEMULA SECARA SEMENTARA PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN SEMASA TEMPOR PROKLAMASI DARURAT**

**PERJAWATAN**

<b>BIL.</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
1.	Apakah yang dimaksudkan dengan istilah 'penugasan semula secara sementara' dalam Surat Edaran JPA: Permohonan Pencalonan Pegawai Bagi Penugasan Semula Secara Sementara Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Semasa Tempoh Proklamasi Darurat 2021, rujukan JPA.600-4/2/26(2) bertarikh 26 Januari 2021?	"Penugasan semula secara sementara" yang dimaksudkan adalah penempatan pegawai secara sementara ke agensi perkhidmatan perlu ( <i>essential services</i> ) atau ke mana-mana perkhidmatan atau lokaliti yang difikirkan perlu semasa tempoh Proklamasi Darurat 2021.
2.	Adakah terdapat pengecualian untuk skim perkhidmatan tertentu?	Tidak.
3.	Adakah pegawai yang terlibat menggunakan perjawatan Agensi Asal?	Ya.

<b>BIL.</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
4.	Bolehkah Agensi Asal mengambil lantikan MySTEP atau pegawai kontrak di bawah OS29000 bagi menggantikan pegawai yang terlibat dengan penugasan semula secara sementara?	Tidak boleh.
5.	Adakah pegawai dari Badan Berkanun terlibat sama dengan penugasan semula secara sementara ini?	Ya.
6.	Adakah arahan penugasan semula secara sementara ini melibatkan pindah butiran perjawatan dari Agensi Asal ke Agensi Penerima?	Tidak.
7.	Adakah pihak sumber manusia perlu meminda butiran perjawatan yang terlibat dalam arahan penugasan semula secara sementara kepada Jawatan Tambah Sentara?	Tidak.
8.	Siapakah yang bertanggungjawab menyediakan Deskripsi Tugas bagi pegawai terlibat dengan penugasan semula secara sementara?	Tidak melibatkan perubahan Deskripsi Tugas jawatan asal pegawai. Skop tugas baharu perlu disediakan oleh Agensi Penerima.

PERKHIDMATAN
--------------

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
<b>PROSES PENUGASAN SEMULA SECARA SEMENTARA</b>		
1.	Apakah yang dimaksudkan dengan “Agensi Asal”?	“Agensi Asal” merupakan agensi awam tempat pegawai bertugas sebelum pegawai mengikuti proses penugasan semula secara sementara atau sebelum proses penugasan semula secara sementara berkuat kuasa.
2.	Adakah penugasan semula secara sementara bermaksud pegawai dipinjamkan atau ditukar sementara ke Agensi Penerima?	Tidak. Penugasan semula secara sementara yang dimaksudkan adalah penempatan pegawai secara sementara ke agensi perkhidmatan perlu ( <i>essential services</i> ) atau ke mana-mana perkhidmatan atau lokaliti yang difikirkan perlu semasa tempoh Proklamasi Darurat 2021.
3.	Bilakah penempatan penugasan semula secara sementara ini akan dilaksanakan?	Penempatan pegawai akan dilaksanakan mulai 1 Februari 2021 secara berperingkat berdasarkan keperluan Agensi Penerima.
4.	Berapa lamakah tempoh penugasan semula secara sementara ini dilaksanakan?	Tempoh penugasan semula secara sementara adalah selaras dengan tempoh Proklamasi Darurat berkuat kuasa.
5.	Apakah tempoh minima dan maksima bagi pegawai yang diarahkan penugasan semula secara sementara?	
6.	Adakah pencalonan 30% orang pegawai melibatkan pengisian di Kementerian sahaja?	Pencalonan adalah melibatkan pengisian keseluruhan Kementerian termasuk Jabatan/Agensi/Badan Berkanun di bawahnya terdiri daripada pelbagai skim perkhidmatan dan gred jawatan dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan dan tidak tertakluk kepada pegawai perkhidmatan gunasama sahaja.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
7.	Adakah pegawai lantikan kontrak boleh dicalonkan untuk penugasan semula secara sementara ini?	Keutamaan perlu diberikan kepada pegawai lantikan tetap. Sekiranya pegawai lantikan tetap melaksanakan fungsi utama agensi dan pergerakan pegawai akan menjejaskan penyampaian perkhidmatan agensi, pegawai lantikan <i>Contract of Service</i> OS11000 boleh dicalonkan.
8.	Adakah pegawai yang baru bersara dan bukan dalam golongan berisiko tinggi boleh dipanggil semula oleh Kerajaan untuk penugasan semula secara sementara?	Tidak. Pegawai yang sedang berkhidmat sahaja.
9.	Bagaimana pegawai yang berminat boleh memohon untuk penugasan semula secara sementara? Adakah JPA akan mengeluarkan sebarang iklan bagi pegawai yang berminat?	Buat masa ini, kaedah pelaksanaan penugasan semula secara sementara adalah melalui pencalonan pegawai dari Ketua Jabatan Kementerian/Jabatan/Agensi yang telah disenaraikan di dalam surat Jabatan Perkhidmatan Awam rujukan JPA.600-4/2/26(2) bertarikh 26 Januari 2021.
10.	Adakah penugasan semula secara sementara ini melibatkan semua Kementerian dan Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri (PSUK Negeri)?	Arahan penugasan ini adalah secara berperingkat berasaskan keperluan fungsi Agensi Penerima. Bagi fasa pertama, pencalonan pegawai diperlukan dari Kementerian dan PSUK Negeri seperti senarai edaran surat Jabatan Perkhidmatan Awam rujukan JPA.600-4/2/26(2) bertarikh 26 Januari 2021.
11.	Adakah 30% yang disenaraikan sahaja akan terlibat sepenuhnya atau secara bergilir?	Tertakluk kepada Arahan Kerajaan dari semasa ke semasa.
12.	Pihak manakah yang menentukan keperluan penugasan semula secara sementara kepada Agensi Penerima?	Keperluan penugasan semula secara sementara ini adalah ditentukan oleh Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara Pengurusan Darurat yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
13.	Pihak manakah yang akan mengeluarkan arahan penugasan semula secara sementara?	<p>Bagi perkhidmatan gunasama dan perkhidmatan bukan gunasama Persekutuan, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam akan mengeluarkan arahan penugasan semula ini secara pentadbiran.</p> <p>Bagi perkhidmatan awam Negeri/Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan, arahan penugasan semula secara sementara akan dilaksanakan berdasarkan ketetapan Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021 [P.U. (A) 12/2021].</p>
14.	Bagaimanakah urusan penempatan pegawai dilaksanakan?	<p>Penempatan pegawai adalah secara sementara di Agensi Penerima dengan menggunakan waran perjawatan Agensi Asal. Agensi Asal perlu mengemaskini catatan mengenai arahan penugasan semula secara sementara dalam Buku Rekod Perkhidmatan pegawai.</p>
15.	Bagaimanakah penempatan pegawai ke Agensi Penerima ditentukan?	<p>Penempatan pegawai adalah mengikut keperluan Agensi Penerima berdasarkan fungsi, skop tugas, kesesuaian dan lokasi semasa tempoh Proklamasi Darurat.</p>
16.	Adakah pegawai boleh memilih tempat yang diberikan penugasan semula secara sementara?	<p>Tidak. Penugasan ini adalah berasaskan kepada keperluan fungsi, lokasi dan lokaliti serta Arahan Kerajaan.</p>
17.	Bagaimana sekiranya Ketua Jabatan tidak melepaskan pegawai yang diarahkan untuk penugasan semula secara sementara?	<p>Ketua Jabatan boleh dikenakan tindakan tatatertib sekiranya ingkar perintah.</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
18.	Adakah Kementerian/Jabatan boleh membatalkan calon yang telah dikemukakan disebabkan oleh kepentingan perkhidmatan dan keperluan terdesak?	Tidak boleh.
19.	Bolehkah agensi memohon pengecualian daripada mengemukakan pencalonan?	Tiada pengecualian bagi urusan ini.
<b>TANGGUNGJAWAB DAN PELAKSANAAN TUGAS</b>		
20.	Adakah Ketua Jabatan boleh mengarahkan pegawai yang terlibat dengan arahan penugasan semula secara sementara ini menjalankan tugas hakiki sedia ada di Agensi Asal?	Tidak boleh. Agensi Asal perlu melaksanakan agihan semula tugas dalaman.
21.	Adakah pegawai yang telah diarahkan untuk penugasan semula secara sementara akan melaksanakan tugas-tugas sedia ada di Agensi Penerima?	Pelaksanaan tugas adalah mengikut keperluan fungsi di Agensi Penerima mengikut skop tugas sepanjang tempoh Proklamasi Darurat. Adalah menjadi tanggungjawab penyelia bagi memastikan tiada pertindihan tugas antara pegawai.
22.	Sekiranya dalam tempoh penugasan semula secara sementara pegawai tersebut disahkan positif Covid-19 atau jatuh sakit atau diarahkan menjalani kuarantin bagi sesuatu tempoh tertentu, adakah penugasan pegawai ditamatkan awal dan adakah Agensi Asal perlu menghantar pegawai lain sebagai pengganti?	Keadaan ini adalah tertakluk kepada kemampuan dan keperluan sumber tenaga di Agensi Penerima.  Sekiranya terdapat keperluan atau arahan, Agensi Penerima boleh dari semasa ke semasa untuk mengemukakan permohonan pencalonan baharu/tambahan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bagi memastikan penyampaian perkhidmatan di Agensi Penerima tidak terjejas.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
<b>KESAN TERHADAP PERKHIDMATAN PEGAWAI</b>		
23.	Apakah kesan penugasan semula secara sementara kepada perkhidmatan pegawai?	Penugasan semula secara sementara ini tidak memutuskan perkhidmatan pegawai dengan perkhidmatan hakiki.
24.	Bagaimana status sandangan pegawai dalam sistem HRMIS?	<p>Sandangan pegawai kekal di Agensi Asal.</p> <p>Maklumat Penyelia bagi pegawai sepanjang tempoh penugasan semula secara sementara di Agensi Penerima hendaklah dimaklumkan kepada Pentadbir HRMIS Agensi Asal bagi membolehkan penetapan penyokong/pelulus/pegawai penilai dalam Modul Pengurusan Cuti dan Modul Pengurusan Prestasi HRMIS dibuat, sekiranya wujud keperluan.</p>
<b>PENANGGUNGAN KERJA</b>		
25.	Adakah jawatan yang ditinggalkan di Agensi Asal boleh ditanggung kerja oleh pegawai lain?	<p>Urusan penanggungungan kerja adalah tidak dibenarkan. Ketua Jabatan Agensi Asal hendaklah membuat agihan tugas sewajarnya untuk memastikan kelangsungan fungsi agensi.</p>
26.	Siapa yang akan menjalankan tugas pegawai yang terlibat dengan penugasan semula secara sementara? Adakah pegawai yang menanggung tugas tersebut dapat menuntut elaun tanggung kerja?	
27.	Berdasarkan Pekeliling Bilangan 17 Tahun 2007, kekosongan secara operasi adalah dibenarkan penanggungungan kerja. Dalam konteks arahan penugasan semula secara sementara, adakah kekosongan yang berlaku dikira sebagai kekosongan	

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
	operasi dan dibenarkan pegawai lain menanggung tugas di Agensi Asal?	
<b>PENGURUSAN PRESTASI</b>		
28.	Bagaimanakah hierarki penyeliaan bagi pegawai yang diarah untuk penugasan semula secara sementara ke Agensi Penerima?	Penyeliaan bagi penugasan pegawai adalah di bawah seliaan Agensi Penerima dalam tempoh bertugas.
29.	Siapakah yang akan menilai pegawai yang diarah untuk penugasan semula secara sementara?	Sekiranya tempoh penugasan semula secara sementara di Agensi Penerima adalah lebih panjang daripada tempoh bertugas di Agensi Asal, laporan penilaian prestasi tahunan pegawai pada tahun semasa hendaklah disediakan oleh Pegawai Penilai yang ditetapkan di Agensi Penerima.
<b>PERTUKARAN/PENEMPATAN SEMULA</b>		
30.	Di manakah saya boleh mendapatkan surat kebenaran merentas daerah/negeri sekiranya saya ditugaskan semula secara sementara ke kawasan yang saya perlu merentas daerah/negeri?	Surat arahan penugasan semula secara sementara boleh digunakan untuk mendapatkan kebenaran merentas daerah/negeri mengikut <i>Standard Operating Procedure</i> (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).
31.	Adakah pegawai boleh memohon pertukaran dalam tempoh penugasan semula secara sementara?	Tidak boleh.
32.	Adakah pegawai yang ditugas semula secara sementara akan diserap tetap ke Agensi Penerima?	Tidak.



BIL.	SOALAN	JAWAPAN
<b>PEMANGKUAN &amp; KENAIKAN PANGKAT</b>		
33.	Adakah urusan pemangkuan terjejas sekiranya pegawai yang memangku diarahkan untuk penugasan semula secara sementara?	Penugasan semula secara sementara ini tidak akan menjejaskan urusan pemangkuan pegawai yang terlibat.
34.	Sekiranya pegawai ditawarkan pemangkuan semasa dalam tempoh penugasan semula, adakah elaun pemangkuan bermula selepas tamat penugasan semula dan kenaikan pangkat kelak bermula setahun dari tamat penugasan semula tersebut?	<p>Pemangkuan pegawai akan bermula daripada tarikh pegawai diarah memangku (jawatan pegawai di Agensi Asal dibuat sandangan ke jawatan yang dipangku).</p> <p>Pegawai adalah layak menikmati apa-apa kemudahan dan bayaran yang layak diterima berdasarkan jawatan pemangkuan tersebut sepanjang tempoh pemangkuan (termasuk semasa tempoh penugasan semula tersebut).</p> <p>Tarikh kenaikan pangkat kelak akan mengambil kira tarikh pegawai diarah memangku (termasuk semasa tempoh penugasan semula tersebut).</p>
<b>PENGURUSAN TATATERTIB</b>		
35.	Apakah tindakan yang akan dikenakan jika pegawai terlibat ingkar?	Pegawai boleh dikenakan tindakan tatatertib sekiranya ingkar perintah.
36.	Pihak manakah yang melaksanakan urusan tatatertib pegawai yang terlibat dengan penugasan semula secara sementara?	<p>Pihak Berkuasa Tatatertib bagi pegawai yang terlibat dengan penugasan semula secara sementara ialah Pihak Berkuasa Tatatertib perkhidmatan hakiki pegawai (Agensi Asal).</p> <p>Jika pegawai melakukan kesalahan yang membolehkan tindakan tatatertib diambil ke atasnya, Agensi Penerima boleh menamatkan penugasan</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		semula secara sementara pegawai dan Agensi Asal boleh meminta Agensi Penerima membuat laporan serta memberikan bukti dan saksi mengenai salah laku pegawai.

**SARAAN**

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
<b>KELAYAKAN ELAUN DAN KEMUDAHAN</b>		
1.	(a) Adakah pegawai yang diarahkan untuk penugasan semula secara sementara layak menuntut elaun bertugas rasmi?	Ya. Pegawai layak menerima elaun, kemudahan dan bayaran kerana menjalankan tugas rasmi sepertimana diperuntukkan di bawah Perintah Am Bab B dan Pekeliling Perbendaharaan W.P 1.4.
	(b) Apakah tafsiran "ibu pejabat" bagi tuntutan elaun, kemudahan dan bayaran kerana menjalankan tugas rasmi kepada pegawai-pegawai yang diarahkan untuk penugasan semula secara sementara?	Tafsiran Ibu Pejabat ialah tempat pegawai melaporkan diri (di Agensi Penerima) untuk penugasan semula secara sementara sepanjang tempoh Proklamasi Darurat.
2.	Siapakah yang membuat bayaran emolumen kepada pegawai-pegawai yang diarahkan untuk penugasan semula secara sementara?	<p>Pembayaran emolumen pegawai yang diarahkan sepanjang tempoh Proklamasi Darurat adalah masih di bawah Ketua Jabatan di Agensi Asal dengan perakuan Agensi Penerima. Salinan kelulusan Agensi Asal dikemukakan kepada Agensi Penerima untuk makluman.</p> <p>Dalam hal ini, Ketua Jabatan pegawai di Agensi Asal dan Agensi Penerima perlu mempunyai persetujuan bersama mengenai apa-apa kaedah perakuan tuntutan yang difikirkan sesuai.</p>

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
3.	Adakah pegawai yang diarahkan untuk penugasan semula secara sementara layak menuntut apa-apa elaun dan kemudahan tertentu yang lain?	<p>Ketua Jabatan Agensi Asal adalah bertanggungjawab untuk menentukan kelayakan elaun dan kemudahan yang sedang dibayar kepada pegawai yang terlibat. Pegawai juga layak dipertimbangkan pemberian elaun dan kemudahan tertentu yang lain di Agensi Penerima jika diarah untuk melaksanakan tugas yang melayakkan pemberian elaun dan kemudahan tertentu tersebut.</p> <p>Dalam hal ini, Ketua Jabatan pegawai di Agensi Asal dan Agensi Penerima perlu mempunyai persetujuan bersama mengenai apa-apa kaedah perakuan tuntutan yang difikirkan sesuai.</p> <p>Rujukan: Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2019 dan juga PP/SPP/SP/SE lain yang masih berkuat kuasa.</p>
4.	Adakah pegawai yang terlibat dengan Arahan Penugasan Semula Secara Sementara semasa tempoh Proklamasi Darurat layak menuntut Elaun Khas COVID-19?	<p>Secara prinsipnya, pegawai yang terlibat dengan Arahan Penugasan Semula Secara Sementara bagi pegawai perkhidmatan awam persekutuan semasa tempoh Proklamasi Darurat adalah <b><u>TIDAK LAYAK</u></b> dibayar Elaun Khas COVID-19.</p> <p>Walau bagaimanapun, terdapat beberapa situasi atau keadaan yang melayakkan pertimbangan Elaun Khas COVID-19 sepertimana keadaan berikut:</p> <p>i) ditempatkan di <b><u>Jabatan yang diarahkan secara langsung atau telah mendapat arahan bertugas secara rasmi dalam membendung penularan wabak COVID-19</u></b> dan menepati Garis Panduan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) atau Agensi</p>

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
		<p>Pengurusan Bencana Malaysia (NADMA)/ Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Perdana Menteri (JPM); dan</p> <p>ii) ditempatkan di <b><u>Pusat Pemberian Vaksin (PPV) dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan</u></b> dan menepati Garis Panduan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Sains, Teknologi &amp; Inovasi (MOSTI).</p> <p>Dalam hal ini, tuntutan hendaklah dikemukakan beserta dokumen sokongan sebagaimana yang ditetapkan dalam Garis Panduan; yang mana berkenaan.</p> <p>Implikasi kewangan bagi pembayaran elaun khas ini akan dibiayai menggunakan peruntukan sedia ada Jabatan Agensi Asal pegawai terlebih dahulu dan pelarasan peruntukan akan dibuat oleh Kementerian Kewangan (MOF) setelah implikasi kewangan keseluruhan dikenalpasti.</p> <p>Sebarang pertanyaan lanjut berhubung tatacara pelaksanaan pembayaran elaun khas ini boleh dikemukakan kepada Seksyen Belanjawan, Pejabat Belanjawan Negara, MOF.</p> <p>Manakala pertanyaan berkaitan penyelarasan dan penyediaan garis panduan bagi agensi yang terlibat berkenaan kriteria dan kelayakan bagi elaun khas Covid-19 boleh dirujuk ke MKN, JPM.</p>

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
		Rujukan: i) Surat Kementerian Kewangan rujukan MOF.PB(S) 600-8/7/14(36) bertarikh 5 April 2020. ii) Surat Kementerian Kewangan rujukan MOF.NBO.600-9/1/246( ) bertarikh 15 Februari 2021
5.	Bagaimanakah kaedah penetapan kelayakan elaun yang dibayar mengikut waran perjawatan/penempatan hakiki pegawai?	Penetapan kelayakan elaun tertentu seperti Bayaran Imbuhan Sara Hidup/Bayaran Insentif Wilayah dan sebagainya adalah mengikut pejabat/lokaliti asal (Agensi Asal) di mana pegawai ditempatkan berdasarkan waran perjawatan.
6.	Adakah pegawai yang diarahkan untuk penugasan semula secara sementara layak membuat tuntutan elaun dan kemudahan bagi ahli keluarga?	Tidak. Pegawai yang diarahkan bagi penugasan semula secara sementara adalah menggunakan perjawatan dan peruntukan kewangan sedia ada di Agensi Asal.  Sehubungan itu, pegawai tidak layak menuntut elaun, kemudahan dan bayaran kerana bertukar/berpindah rumah yang melibatkan ahli keluarga pegawai.  Walau bagaimanapun, lain-lain kemudahan tertentu yang berkaitan dengan ahli keluarga pegawai adalah layak dipertimbangkan tertakluk kepada peraturan semasa.
7.	Adakah pegawai yang diarahkan untuk penugasan semula secara sementara layak untuk dibayar Elaun Lebih Masa sekiranya diarah melaksanakan kerja-kerja lebih masa?	Elaun Lebih Masa boleh dipertimbangkan tertakluk kepada syarat/peraturan yang berkuat kuasa.

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
8.	Bagaimanakah peraturan waktu bekerja pegawai semasa diarahkan di bawah penugasan semula secara sementara?	Waktu bekerja pegawai adalah mengikut waktu bekerja di Agensi Penerima tertakluk kepada peraturan berkuat kuasa.
9.	Adakah Kerajaan akan menyediakan kemudahan-kemudahan lain seperti penginapan bagi penugasan semula secara sementara di tempat baharu?	Kemudahan-kemudahan lain seperti penginapan boleh dipertimbangkan tertakluk kepada peraturan yang berkuat kuasa.
10.	Bolehkah pegawai diarahkan penugasan semula secara sementara di gred lebih tinggi dan adakah pegawai akan menikmati kemudahan emolumen di gred baharu dalam tempoh tersebut? Sebagai contoh, pegawai merupakan seorang juruteknik komputer tetapi memiliki ijazah sarjana muda kejuruteraan hasil daripada kursus secara sambilan.	Tidak, kekal dengan kemudahan di gred asal pegawai.
11.	Adakah pegawai yang diarah penugasan semula layak membuat tuntutan perpindahan?	<p>Tidak. Pegawai yang diarahkan bagi penugasan semula secara sementara adalah menggunakan perjawatan dan peruntukan kewangan sedia ada di Agensi Asal.</p> <p>Sehubungan itu, pegawai tidak layak menuntut elaun, kemudahan dan bayaran kerana bertukar/berpindah rumah.</p>
12.	Adakah pegawai yang diarahkan penugasan semula layak membuat tuntutan <i>parking</i> (tiada kemudahan parking dan pegawai perlu membayar <i>parking</i> pada kadar harian setiap hari)?	Ya. Pegawai boleh membuat tuntutan elaun, kemudahan dan bayaran kerana menjalankan tugas rasmi termasuk bayaran letak kereta dan Belanja Pelbagai tertentu yang lain tertakluk syarat dan kadar sepertimana diperuntukkan di bawah Pekeliling Perbendaharaan W.P 1.4.

<b>BIL.</b>	<b>SOALAN</b>	<b>PENJELASAN</b>
13.	Adakah Pegawai Gred M48 layak membuat tuntutan bayaran telefon? Jika semasa di Agensi Asal pegawai telah diberi kemudahan tersebut, Agensi Asal boleh mempertimbangkan untuk memberikan kemudahan tersebut kepada pegawai semasa penugasan semula.	Ketua Jabatan Agensi Asal boleh mempertimbangkan tuntutan kemudahan bantuan pembelian alat komunikasi mudah alih untuk kegunaan rasmi dan caj bulanan alat komunikasi mudah alih yang dikemukakan pegawai tertakluk kepada syarat/peraturan yang berkuatkuasa sepertimana diperuntukkan di bawah Pekeliling Perbendaharaan W.P. 2.2.
14.	Adakah pegawai yang diarahkan penugasan semula layak membuat tuntutan lojing/sewa hotel?	<p>Pegawai tidak layak membuat tuntutan Bayaran Sewa Hotel/Elaun Lojing sekiranya bertugas di dalam kawasan Ibu Pejabatnya (Agensi Penerima). Rujuk Soalan No. 1(b), Soalan Lazim (FAQ) Kelayakan Elaun dan Kemudahan.</p> <p>Dalam keadaan pegawai diarahkan untuk menjalankan tugas rasmi di luar Ibu Pejabatnya dan perlu menginap, maka pegawai layak sepertimana diperuntukkan di bawah Pekeliling Perbendaharaan W.P 1.4.</p>
<b>PENGURUSAN CUTI</b>		
15.	Bagaimana dengan permohonan cuti rehat pegawai yang diarahkan untuk penugasan semula secara sementara?	Kelulusan cuti rehat bagi pegawai yang terlibat dengan penugasan semula secara sementara ini adalah di bawah Ketua Jabatan di Agensi Penerima. Adalah menjadi tanggungjawab pegawai untuk memastikan prosedur permohonan cuti teratur melalui Sistem Pengurusan Cuti HRMIS, tertakluk pertimbangan Agensi Penerima terlebih dahulu.
16.	Bagaimanakah pengurusan cuti bagi pegawai yang terlibat?	Mengambil kira sandangan pegawai dalam Sistem HRMIS masih di Agensi Asal, Pentadbir HRMIS Agensi Asal hendaklah menetapkan penyokong dan pelulus (Agensi Penerima) setelah pegawai memaklumkan penempatan penugasan semula secara sementara berkenaan.

LAIN-LAIN
-----------

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
1.	Adakah pegawai yang diarahkan di bawah penugasan semula secara sementara dilindungi di bawah Skim Ex-Gratia?	<p>Ya. Pegawai lantikan tetap yang diarahkan di bawah penugasan semula secara sementara dalam tempoh Proklamasi Darurat adalah dilindungi oleh Skim Ex-Gratia Bencana Kerja di bawah Pekeliling Perbendaharaan WP 6.3 yang mengalami hilang upaya kekal atau meninggal dunia akibat ditimpa bencana semasa menjalankan tugas rasmi.</p> <p>Pegawai lantikan kontrak (<i>Contract of Service</i>) yang diarahkan di bawah penugasan semula secara sementara pula adalah dilindungi di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).</p>
<b>PENGURUSAN ASET</b>		
2.	Adakah aset yang digunakan sewaktu penugasan semula secara sementara berada di bawah tanggungjawab Agensi Penerima atau Agensi Asal?	Rujuk Garis Panduan Pengurusan Aset Alih Dan Stok Kerajaan Berikutan Urusan Penugasan Semula Secara Sementara Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Semasa Tempoh Proklamasi Darurat di Portal Pekeliling Perbendaharaan Kementerian Kewangan Malaysia.



BIL.	SOALAN	PENJELASAN
3.	Adakah kad inden minyak, kad <i>Touch n Go</i> dan buku log yang digunakan oleh Pemandu Kenderaan Kerajaan sewaktu penugasan semula secara sementara berada di bawah tanggungjawab Agensi Asal atau Agensi Penerima?	<p>Tanggungjawab penggunaan kad inden minyak dan kad <i>Touch n Go</i> dalam konteks implikasi kos yang digunakan oleh Pemandu Kenderaan Kerajaan sewaktu penugasan semula secara sementara adalah di bawah tanggungjawab Agensi Asal.</p> <p>Pengesahan resit penggunaan kad inden minyak dan kad <i>Touch n Go</i> hendaklah disahkan oleh Pegawai Kenderaan di Agensi Penerima dan resit penggunaan yang telah disahkan dikemukakan kepada Agensi Asal. Pemandu Kenderaan Kerajaan perlu merekodkan aktiviti perjalanan pergerakan di dalam buku log dan disahkan oleh Pegawai Kenderaan di Agensi Penerima.</p>
4.	Adakah Agensi Asal atau Agensi Penerima yang bertanggungjawab dan menanggung kos bagi kad inden minyak dan kad <i>Touch n Go</i> bagi peminjaman kenderaan yang disediakan tanpa pemandu?	<p>Agensi Penerima bertanggungjawab menanggung kos bagi kad inden minyak dan kad <i>Touch n Go</i> bagi peminjaman kenderaan yang disediakan tanpa pemandu.</p>
5.	Adakah penyelenggaraan kenderaan bagi memastikan kenderaan berfungsi dengan baik dan selamat berada di bawah tanggungjawab Agensi Asal atau Agensi Penerima?	<p>Bagi kenderaan milik Jabatan, Agensi Asal bertanggungjawab ke atas pengurusan dan kos penyelenggaraan kenderaan tersebut. Agensi Penerima hendaklah memaklumkan keperluan penyelenggaraan kepada Agensi Asal.</p> <p>Bagi kenderaan konsesi, Agensi Penerima bertanggungjawab untuk menghantar kenderaan konsesi ke syarikat konsesi untuk penyelenggaraan dan dimaklumkan kepada Agensi Asal. Tiada implikasi kewangan kerana kos penyelenggaraan kenderaan konsesi telah diambil kira dalam bayaran sewaan bulanan Agensi Asal.</p>